



JURNAL LINGUISTIK Vol. 25 (2) November 2021 (001-019)

Analisis Kata Kerja Bantu Dalam Dialek Melayu Terengganu Menggunakan Program Minimalis

¹Fazal Mohamed Mohamed Sultan & ²Nurul Afiqah Mohamad

¹fazal@ukm.edu.my, ²fyqahmohamad11@gmail.com

¹Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,
Fakulti Sains sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Tarikh terima : 23 Ogos 2021
Received
Terima untuk diterbitkan : 26 Ogos 2021
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2021
Published online

Abstrak

Negeri Terengganu berada di lokasi geografi pantai timur Semenanjung Malaysia, disempadani oleh negeri Kelantan dan Pahang. Dialek yang dituturkan oleh penutur natifnya dikenali sebagai dialek Melayu Terengganu (DMT). Justeru artikel ini bertujuan untuk menjalankan analisis ke atas dialek tersebut terutamanya Kata Kerja Bantu (KKB). Bagi mencapai tujuan kajian, pengkaji telah menggunakan kaedah kajian secara lapangan bagi mendapatkan data yang diperlukan. Kajian yang dijalankan hanya tertumpu di dua daerah di Terengganu, iaitu Kuala Nerus dan Kuala Terengganu dengan memilih seramai 20 orang responden secara rawak bagi kedua-dua daerah berkenaan. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti kata kerja bantu dalam DMT, mengklasifikasikan kata kerja bantu berkenaan dan menganalisis KKB dalam dialek tersebut menggunakan pendekatan Program Minimalis. Analisis deskriptif mendapati bahawa dalam DMT ada KKB yang boleh dilihat dalam dua keadaan, iaitu boleh hadir sebelum atau selepas kata kerja. Analisis sintaksis telah menemui bahawa KKB dalam DMT mempunyai fungsi gramatikal, iaitu dalam penandaan kala bagi kata kerjanya. Di samping itu, KKB aspek *doh* dalam DMT ini boleh hadir selepas kata kerja dan terdapat juga KKB gabungan antara KKB aspek dan modal yang menjadi satu penemuan baharu dalam kajian yang dijalankan.

Kata Kunci: kata kerja bantu, dialek, Minimalis, Terengganu

Auxiliary Verb Analysis in Terengganu Malay Dialect Using Minimalist Program

Abstract

The state of Terengganu is located in the geographical location of the east coast of Peninsular Malaysia, bordered by the states of Kelantan and Pahang. The dialect spoken by the native speakers is known as the Terengganu Malay dialect (DMT). Therefore, this article aims to analyse the dialect, especially the Auxiliary Verb. To achieve the aim of the study, the researcher has used field research methods to obtain the required data. The study was only focused on two districts in Terengganu, namely Kuala Nerus and Kuala Terengganu, by selecting a total of 20 respondents at random from the two districts. This study was conducted to identify auxiliary verbs in DMT, classify the auxiliary verbs and analyse KKB in the dialect using the Minimalist Program approach. The descriptive analysis found that in DMT, there are KKBs that

can be seen in two situations that can be present before or after the verb. Furthermore, syntactic analysis has found that the Auxiliary Verb in DMT has a grammatical function as a tense marker for its verbs. Also, the aspect *doh* in this DMT can present after the verb, and there is also KKBs with a combination of aspects and models, which is a new finding in this study.

Keywords: Auxiliary verbs, dialect, Minimalist, Terengganu.

1. Pengenalan

Sintaksis merupakan salah satu cabang kajian dalam bidang linguistik. Nik Safiah Karim *et. al* (2010) menjelaskan sintaksis sebagai satu bidang bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan konstruksi sesuatu ayat. Dialek pula merupakan sesuatu yang sangat rapat dengan bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana, dialek merupakan variasi bahasa atau kelainan bahasa berasaskan kelainan kawasan geografi (Syafika Atika Binti Othman, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2019; Maulana Al-Fin Che Man & Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2020; Nor Hashimah Jalaluddin, Khairul Ashraaf Saari, Harishon Radzi, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2020). Dialek juga merupakan sesuatu variasi bahasa yang dianggap tidak relevan dan berstatus rendah (Idris Aman & Mohammed Azlan Mis 2016). Dialek Terengganu merupakan dialek yang dituturkan oleh penutur-penutur di negeri Terengganu yang berada di lokasi geografi pantai timur semenanjung Malaysia, disempadani oleh negeri Kelantan dan Pahang (Zul Hanis Yop Othman & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2020). Selain itu, populasi penduduk Terengganu menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2010) adalah seramai 1 055 400 orang. Dengan ini dapat dijelaskan bahawa bahasa juga adalah dialek dan dialek juga merupakan bahasa di samping kewujudan dialek ini telah menjadi satu kaedah dalam memperkayakan lagi bahasa (Idris Aman & Mohammed Azlan MIS 2016).



Peta 1.1 : Peta Negeri Terengganu
Sumber : Diubah suai dari laman Web Wikipedia : 2019

Dengan demikian, kajian yang akan dijalankan ini akan memfokuskan kepada struktur kata kerja bantu (KKB) dalam dialek Melayu Terengganu (DMT) dan akan dianalisis menggunakan Program Minimalis. Pendekatan Program Minimalis merupakan pendekatan dalam bidang sintaksis dan mula diperkenalkan oleh Noam Chomsky pada awal 1995-an dan kata kerja bantu menjadi topik yang akan difokuskan untuk dianalisis menggunakan teori tersebut. Berdasarkan kajian lepas yang ditulis oleh Mohd Ra'in Shaari pada tahun 2009 bertajuk *Kajian Kata Bantu Bahasa Melayu melalui Analisis Data Korpus*. Kajian berkenaan hanya menggunakan data tulisan, iaitu dengan menggunakan data korpus di mana data tersebut menunjukkan data yang tidak asli. Dengan demikian, kajian yang akan dijalankan akan menggunakan data sebenar yang

merujuk kepada data lisan dengan menjadikan penutur asli dialek Melayu Terengganu bagi mendapatkan data kajian.

Selain itu, kajian Nor Shahrina bt. Mohd Zawawi pula pada tahun 2000 yang bertajuk *Kata Kerja Bantu dalam Kalangan Kanak-Kanak Melayu* telah menggunakan kanak-kanak sebagai sampel untuk mendapatkan data. Menurut Halliday (1975) telah menjelaskan bahawa kanak-kanak mempelajari makna sesuatu bahasa disebabkan hubungan semantik berdasarkan apa yang didengari di sekeliling mereka sahaja. Selain itu, menurut Teori Kognitif Piaget 1896-1980, kanak-kanak yang berusia di antara empat dan enam tahun mampu berfikir berdasarkan pandangan dirinya sahaja dan tidak berupaya untuk menerima pandangan orang lain kerana pada fasa berkenaan berlaku perkembangan dalam diri mereka. Dengan demikian, kanak-kanak merupakan sampel yang tidak tepat untuk mendapatkan data kerana mereka belum cukup untuk memperoleh sesuatu bahasa (Abdul Razak Ismail 2009). Kajian yang akan dijalankan akan memfokuskan kepada penutur asli yang terdiri daripada individu atau kelompok yang berupaya memperoleh dan menyampaikan bahasa, iaitu remaja, orang dewasa dan juga warga tua yang masih lancar pertuturannya.

Di samping itu, kajian juga dijalankan pada tahun 2017 oleh Shahirah Said telah mengkaji kata kerja bantu dalam dialek. Kajian tersebut bertajuk *Kata Kerja Bantu dalam Dialek Melayu Utara Menggunakan Kerangka Minimalis*. Namun begitu, kajian berkenaan hanya melihat kehadiran kata bantu sebelum kata kerja di mana kehadiran tersebut merupakan sesuatu yang tidak dapat disangkal. Hal ini di katakan demikian kerana, kata kerja bantu menurut definisinya juga merupakan kata yang akan hadir sebelum kata kerja. Oleh itu, kajian yang akan dijalankan akan melihat kehadiran kata kerja bantu dalam kedua-dua keadaan sama ada boleh hadir sebelum kata kerja dan juga kata kerja bantu berkenaan boleh hadir selepas kata kerja mengikut rumus sintaksis. Oleh itu, kajian yang akan dijalankan akan mengenal pasti KKB dan mengklasifikasikan KKB yang wujud dalam dialek berkenaan. Selepas itu, struktur KKB berkenaan akan dianalisis menggunakan Program Minimalis.

2. Metodologi Kajian

Pensampelan merupakan satu proses yang penting dalam memilih subjek kajian daripada sesebuah populasi bagi dijadikan responden dalam kajian yang dijalankan. Kajian ini telah memilih responden, iaitu masyarakat atau penutur natif dialek Terengganu daripada daerah Kuala Nerus dan Kuala Terengganu. Kaedah yang digunakan ialah kaedah *purposive sampling* di mana ciri-ciri responden yang diperlukan untuk kajian telah ditetapkan, iaitu penduduk tetap dan penutur natif DMT di daerah-daerah yang telah ditetapkan. Kanak-kanak tidak dipilih sebagai responden kerana pada peringkat kanak-kanak, mereka masih belum boleh menguasai bahasa dengan baik. Seramai 20 orang responden yang terdiri daripada penutur natif dialek berkenaan akan dipilih secara rawak merangkumi kesemua kawasan kajian. Pemilihan responden berkenaan berlaku secara rawak di mana pengkaji sendiri ke kampung-kampung tertentu dan memilih beberapa buah rumah untuk ditemu bual penghuni rumah berkenaan. Pengkaji telah meminta izin terlebih dahulu daripada responden sebelum di temu bual. Oleh yang demikian, topik ketika temu bual berlangsung adalah berdasarkan pengetahuan responden dan kehidupan seharian mereka di samping menanyakan soalan mengenai kata kerja bantu secara langsung. Arahan secara jelas diberikan kepada responden sepanjang temu bual berlangsung.


Data yang telah dikutip di kawasan lapangan perlu dianalisis. Menurut Bhasah Hj. Abu Bakar (2007), analisis data merupakan kaedah bagi mengawal dan mempersembahkan data serta prosedur statistik. Hal ini dikatakan demikian kerana, data yang telah diperoleh dan direkodkan akan berlaku proses pendengaran semula rakaman bagi tujuan penterjemahan dan transkripsi. Pada peringkat ini, proses perlu dijalankan dengan begitu teliti supaya tidak berlaku sebarang masalah penterjemahan dan proses transkripsi dalam bentuk bahasa Melayu standard. Data perlu didengar satu persatu bagi memastikan ketepatan dan kesesuaian dengan apa yang telah ditranskripsikan dan memerlukan masa yang lama dalam menyelesaikannya.

Selepas proses pendengaran terhadap rakaman tersebut, proses seterusnya ialah analisis. Proses tersebut membawa kepada pemilihan data-data yang berkaitan dengan kajian sahaja, iaitu data mengenai kata kerja bantu yang digunakan oleh responden yang merupakan penutur natif dialek Terengganu. Analisis terhadap data yang telah diperoleh ini sangat penting dalam menjawab semua persoalan kajian yang telah ditetapkan terutama dalam memenuhi objektif kajian yang ketiga, iaitu menganalisis struktur kata bantu dalam dialek Terengganu menggunakan pendekatan Program Minimalis. Dengan demikian, penganalisan terhadap data kajian tersebut akan menggunakan teori yang terkini dalam bidang sintaksis, secara tidak langsung, penggunaan teori berkenaan dapat menjawab persoalan kepada objektif yang terakhir dalam keseluruhan kajian kata kerja bantu ini.

3. Kerangka Program Minimalis

Program Minimalis atau teori Minimalis yang diperkenalkan oleh Noam Chomsky (1995) merupakan teori yang akan digunakan untuk mengkaji kata kerja bantu dalam DMT. Program ini mampu menjelaskan nahu sesuatu bahasa secara seminimal yang mungkin dan program ini telah diandaikan bahawa sesuatu maklumat morfem bagi sesuatu perkara akan dicirikan dalam bentuk fitur nahu dan fitur ini perlu disemak dengan cara yang tepat. Dalam teori ini juga terdapat dua kepadaan yang akan diaplikasikan, iaitu kepadaan deskriptif dan kepadaan ekplanatori. Kepadaan deskriptif merupakan keupayaan dalam menghuraikan sesuatu intuisi penutur natif sesebuah bahasa dan kepadaan ekplanatori pula merupakan kepadaan yang bukan sahaja untuk mencapai kepadaan deskriptif tetapi untuk menganalisisnya. Chomsky pada 1995 melihat bahasa sebagai satu komputasi. Komputasi ini berperanan menyusun set yang terbatas daripada prinsip tidak bervariasi. Set ini akan digunakan bagi menghasilkan satu set ungkapan. Set ungkapan tersebut mengandungi beberapa perkara seperti bunyi, makna dan struktur dan hal ini dapat dikaitkan bahawa sesuatu bahasa bukan sahaja melibatkan sesuatu perkara itu berlaku dalam minda sahaja tetapi turut dapat dikaitkan dengan perkara-perkara yang di luar kawalan minda seseorang.

Teori berkenaan diaplikasikan berdasarkan kerangka di bawah:



Rajah 1: Proses Pembentukan Ayat dalam Kerangka Program Minimalis

Kerangka berkenaan membuat andaian bahawa setiap leksikal yang wujud dalam bentuk dasar di dalam leksikon. Setiap leksikal tersebut pula diandaikan wujud bersama ciri-ciri fitur idiosinkratik bagi leksikal tersebut dan fitur berkenaan terdiri daripada fitur berinterpretasi dan fitur tak berinterpretasi. Aras pertama diandaikan sebagai aras numerasi bagi leksikal-leksikal supaya boleh bergabung bagi membentuk frasa dan seterusnya ayat.

Cantuman dalam dan cantuman luar terlibat dalam proses pergabungan di mana proses percantuman ini berlaku melalui keserasian fitur yang wujud di antara satu sama lain. Dengan demikian, rajah pohon yang akan terbentuk hasil daripada percantuman berkenaan akan sentiasa bersifat binari. Seterusnya pada aras cetusan, penyemakan terhadap fitur-fitur tak berinterpretasi akan berlaku kemudian akan dihapuskan. Proses penyemakan fitur akan dikawal oleh Prinsip Penyemakan Fitur yang akan memastikan fitur-fitur yang tak berinterpretasi disemak

kemudian dihapuskan. Setiap pergerakan akan ditanggihkan sehingga ke saat terakhir. Kesemua aras bermula dari aras leksikon sehingga aras Cetusan boleh bergabung bagi dikenali sebagai Sintaksis Nyata.

4. Analisis Deskriptif

Seperti sedia maklum, konsep kata kerja bantu atau kata bantu merujuk kepada kata yang hadir sebelum kata kerja. Terdapat beberapa pendapat ahli bahasa yang menyatakan bahawa kata bantu tidak boleh sama sekali diletakkan selepas suatu kata kerja. Asmah Haji Omar (1993) menjelaskan KKB modal membantu dalam memberikan ciri suasana kepada perbuatan atau keadaan yang dirujuk oleh kata kerja. Namun begitu, dalam DMT terdapat juga kata bantu yang boleh hadir selepas kata kerja. Terdapat jenis KKB yang wujud dalam bahasa Melayu turut digunakan dalam DMT, iaitu KKB aspek. Antara penggunaan kata kerja bantu yang sering digunakan dalam DMT telah diringkaskan dalam jadual 1 tersebut.

Jadual 1 : Kata Bantu dalam Dialek Melayu Terengganu

Kata Bantu Aspek	Terjemahan Kata Bantu dalam bahasa Melayu
doh	telah/sudah
tengoh	sedang/masih
penoh/rajing	Pernah
dok	belum

Berdasarkan jadual berkenaan, dalam DMT, KKB aspek yang digunakan ialah *telah/sudah*, *sedang/masih*, *pernah*, *masih* dan *belum*. Terdapat persamaan penggunaan KKB aspek *telah* dan *sudah* di mana kedua-dua kata kerja bantu berkenaan disebut sebagai *doh* (dah). KKB aspek bagi *sedang* dan *masih* juga menunjukkan persamaan penggunaan, iaitu *tengoh* (tengah). Selain itu, bagi KKB aspek *pernah*, terdapat juga perubahan penggunaan di mana dalam DMT *pernah* digunakan sebagai *rajing* (rajin). KKB *penoh* dan KKB *rajing* boleh digunakan dalam apa-apa situasi bergantung kepada siapa penutur dan lawan tutur. KKB *rajing* atau KKB *dok rajing* lebih dominan digunakan antara penutur DMT dan penutur yang lain (lawan tutur yang menggunakan dialek yang sama) manakala *penoh* atau *dok penoh* lebih dominan untuk digunakan oleh penutur DMT dengan lawan tutur dari dialek sosial yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, leksikal *rajing* lebih sesuai untuk digunakan oleh penutur DMT yang membawa maksud *pernah* (pernah) dan penutur yang menggunakan dialek berkenaan sahaja yang memahaminya. Bagi kata kerja bantu aspek *belum* disebut sebagai *dok* dalam DMT. Dengan demikian, kesemua KKB aspek dalam DMT mengalami perubahan dari segi sebutan dan leksikal namun berbeza mengikut konteks dan fungsi kata kerja bantu berkenaan.

Kata Bantu Aspek

Kata kerja bantu aspek merupakan KKB yang menjelaskan mengenai perbuatan atau lakukan dari segi masa sama ada belum dilakukan, sedang dilakukan dan sudah atau telah dilakukan. Kata kerja bantu dalam DMT turut boleh dikelaskan mengikut masa seperti Jadual 2 berikut:

Jadual 2 : Pengelasan Mengikut Masa bagi Kata Kerja Bantu Aspek dalam Dialek Melayu Terengganu

Masa Hadapan	Masa Kini	Masa Lampau
Dok (Belum)	Tengoh (Sedang/Masih)	Penoh/Rajing (Pernah) Doh (Telah/Sudah)

KKB *doh* dalam DMT hadir selepas kata kerja seperti ayat (1a). Sekiranya KKB hadir sebelum kata kerja seperti (1b) telah menjadikan ayat dalam DMT tidak gramatis. Namun begitu, apabila ayat (1b) diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu ayat tersebut akan menjadi

gramatis tetapi bagi penutur natif dialek berkenaan ayat tersebut masih tidak gramatis. Begitu juga dengan (1d), ayat tersebut menjadi tidak gramatis apabila KKB terpisah dengan kata kerja. Ini membuktikan bahawa kata kerja bantu perlu hadir selepas kata kerja. Hal ini dikatakan demikian kerana, penutur natif dialek berkenaan menggunakan KKB bagi kata kerja tak transitif dengan meletakkannya selepas kata kerja bagi menegaskan lagi perbuatan yang dilakukan. Selain itu, sekiranya berlaku pendepanan kata kerja seperti (1c), ayat yang mengandungi KKB berkenaan tetap gramatis dan KKB masih hadir selepas kata kerja.

1. a) Aku sapa **doh**.
 Aku sampai **sudah**.
 “Aku sampai **sudah**.”
- b) *Aku **doh** sapa.
 Aku **dah** sampai.
- c) Sapa **doh** aku.
 Sampai **dah** aku
 “Sampai **sudah** aku.”
- d) *Sapa aku **doh**.
 Sampai aku **dah**.

KKB aspek bagi ayat 2 turut memperlihatkan ciri yang sama seperti KKB *doh* pada ayat 1. KKB *doh* dalam dialek tersebut turut hadir selepas kata kerja di mana menurut Mughni Murni Bustamam & Maslida Yusof (2020) menjelaskan bahawa kata kerja transitif merupakan kata kerja yang boleh diikuti dengan objek. Namun begitu, kata kerja *makang* merupakan kata kerja transitif yang boleh diikuti dengan objek tetapi dalam DMT telah berlaku pengguguran objek, iaitu kata nama yang menyebabkan KK *makang* menjadi kata kerja tak transitif tak ergatif. Dengan demikian, KK *makang* hanya memerlukan satu argumen sahaja. Sama seperti ayat (1a), KKB *doh* pada ayat (2a) tetap hadir selepas kata kerja. Apabila KKB *doh* dihadirkan sebelum kata kerja *makang*, ayat (2b) dalam DMT berkenaan menjadi tidak gramatis walaupun dalam bahasa Melayu ayat tersebut telah gramatis. Justeru, KKB *doh* yang hadir selepas kata kerja menjadikan sesebuah ayat itu gramatis. Ayat (2c) pula menunjukkan berlakunya pendepanan KK *makang* dan KKB *doh*. Dalam ayat ini KKB masih wujud selepas kata kerja. Di samping itu, apabila kata kerja dipisahkan dengan KKB seperti ayat (2d), ayat berkenaan menjadi tidak gramatis.

2. a) Aku makang **doh**.
 Aku makan **dah**.
 “Aku **sudah** makan”
- b) *Aku **doh** makang.
 Aku **dah** makan.
- c) Makang **doh** aku.
 Makan **dah** aku.
 “Makan **sudah** aku.”
- d) ***Doh** aku makang.
Dah aku makan.

Seterusnya ialah KKB *dok penoh* (belum pernah) yang merupakan KKB yang hadir secara bersama atau berturutan sebelum kata kerja. Terdapat dua KKB dalam satu ayat, iaitu KKB *dok* dan *penoh*. Kata *dok* dalam Bahasa Melayu boleh dirujuk sebagai *tidak*, iaitu sebagai kata nafi

namun dalam dialek ini Kata *dok* merupakan KKB yang diterjemahkan sebagai *belum*. KKB *dok* dalam situasi yang lain boleh hadir secara bersendirian sebelum kata kerja. Contohnya “Aku *penoh* gi Bangi” yang diterjemahkan sebagai “Aku *pernah* pergi Bangi”. (3a) menunjukkan kehadiran KKB *dok penoh* sebelum kata kerja transitif *makang*. Bagi KKB jenis ini tidak boleh hadir selepas kata kerja seperti KKB seperti yang berlaku pada (3b). Dengan demikian, kehadiran KKB dalam DMT ini sama seperti kehadiran KKB dalam bahasa Melayu standard. Apabila KKB hadir selepas kata kerja, ayat berkenaan menjadi tidak gramatis sama seperti yang berlaku pada (3b). Di samping itu, ayat yang mengandungi KKB *dok penoh* ini juga masih menjadi gramatis sekiranya ayat berkenaan berlaku pendepanan objek dengan meletakkan objek di hadapan ayat kerana KKB masih hadir sebelum kata kerja seperti yang berlaku pada (3c). Pada ayat (3c), objek *kueh* yang hadir selepas kata kerja *makang* dipindahkan ke hadapan ayat dan berpisah daripada kata kerja *makang*. Walaupun kata kerja *makang* menurut bahasa Melayu merupakan kata kerja transitif yang memerlukan objek sebagai pelengkap. Dalam DMT, kata kerja *makang* boleh berdiri sendiri tanpa objek dan menjadi kata kerja tak transitif tak ergatif sama seperti yang berlaku pada (2a). Ayat (3d) pula sama seperti yang berlaku pada (3c) tetapi dibezakan dengan kedudukan subjek *aku*. Kedudukan subjek masing-masing pada ayat (3c-d) disebabkan pergerakan KKB di mana berlaku pendepanan objek pada posisi topik.

3. a) Aku **dok penoh** makang kueh ning.
 Aku **tak pernah** makan kuih ni.
 “Aku **belum pernah** makan kuih ini.”
- b) *Aku makang **dok penoh** kueh ning.
 Aku makan **tak pernah** kuih ni.
- c) Kueh ning aku **dok penoh** makang.
 Kuih ni aku **tak pernah** makan.
 “Kuih ini, aku **belum pernah** makan.”
- d) Kueh ning **dok penoh** aku makang.
 Kuih ni **tak pernah** aku makan.
 “Kuih ini, **belum pernah** aku makan.”

Namun begitu, KKB *dok* dalam DMT juga boleh hadir tanpa KKB yang lain secara bersama seperti yang berlaku pada (4a). KKB ini perlu hadir sebelum kata kerja. Sekiranya KKB *dok* hadir selepas kata kerja seperti (4b), ayat yang mengandungi KKB *dok* menjadi tidak gramatis. Namun begitu, ayat (4b) dianggap gramatis sekiranya KKB *dok* digunakan sebagai kata nafi *tidak* dan bukan sebagai KKB *belum*. Berbeza dengan ayat (4c), ayat berkenaan telah menunjukkan subjek *aku* wujud di belakang, iaitu selepas KK dan KKB hadir selepas kata kerja *makang*. Namun begitu, kehadiran *dok* selepas kata kerja *makang* menunjukkan penafian kerana *dok* pada ayat (4c) membawa peranan sebagai kata nafi (tidak) bukannya sebagai KKB *belum*. Selain itu, sekiranya KKB dipisahkan dengan kata kerja seperti dalam (4d), ayat itu akan menghasilkan ayat yang tidak mempunyai makna. Hal ini dikatakan demikian kerana, KKB perlu hadir bersama-sama kata kerja bukannya kata nama atau adjung.

4. a) Aku **dok** makang agi.
 Aku **tak** makan lagi.
 “Aku **belum** makan lagi.”
- b) *Aku makang **dok** agi.
 Aku makan **tak** lagi.
- c) *Makang **dok** agi aku.
 Makan **tak** lagi aku.

- d) *Makang aku **dok** agi.
Makan aku **tak** lagi.

Seterusnya bagi KKB *sedang* yang digunakan sebagai *tengah* dalam DMT, kehadiran KKB ini sama seperti kehadirannya dalam bahasa Melayu standard, iaitu sebelum kata kerja. Pada ayat (5a), KKB *tengoh* hadir sebelum kata kerja *wak* dan begitu juga apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu di mana KKB *tengoh* hadir sebelum kata kerja *wak*. Namun begitu, KKB ini tidak boleh hadir selepas kata kerja seperti KKB *doh* kerana akan menjadikan ayat tersebut tidak membawa makna seterusnya menjadi tidak gramatis seperti (5b). Selain itu, apabila berlaku pendepanan predikat telah menyebabkan KKB *tengoh* terpisah dengan kata kerja dan telah menjadikan ayat (5c) tidak gramatis. Ayat (5d) juga menunjukkan KKB *tengoh* berpisah dengan kata kerja dan menyebabkan ayat (5d) juga menjadi tidak gramatis.

5. a) Aku **tengoh** wak kije ning.
Aku **tengah** buat kerja ni.
“Aku **sedang** buat kerja ini.”
- b) *Aku wak kije **tengoh** ning.
Aku buat kerja **tengah** ni.
- c) *Wak kije ning **tengoh** aku.
Buat kerja ni **tengah** aku.
- d) *Wak kije ning aku **tengoh**.
Buat kerja ni aku **tengah**.

Terdapat KKB aspek yang boleh berdiri sebagai satu ayat yang minimal. Kata kerja bantu berkenaan berfungsi sebagai ayat minimal kepada soalan yang memerlukan jawapan “ya” atau “tidak” seperti ayat (6). Ayat berkenaan telah menunjukkan penggunaan KKB *doh* (sudah) yang menjadi kata minimal bagi soalan yang diajukan.. Namun begitu, tidak semua kata kerja bantu berkenaan boleh berdiri sendiri sebagai ayat minimal. Berdasarkan kajian lapangan yang telah dijalankan, KKB aspek yang boleh berdiri sebagai ayat minimal ialah *sudah*, *pernah* dan *belum* atau penggunaannya dalam DMT sebagai *doh* (sudah,telah) *dok* (belum) dan *penoh* (pernah) seperti paparan data pada ayat (7) sehingga (9). Di samping itu, ayat (10) merupakan ayat yang menunjukkan penggunaan KKB yang tidak boleh berdiri sebagai ayat minimal, iaitu KKB *tengoh*.

6. A : Mu makang doh ? (Mu makan dah?)
B : Doh. (Dah)
7. A : Siak dok g wak ? (Siap tak lagi buat?)
B : Dok (Belum)
8. A : Penoh g Bangi ke ? (Pernah datang Bangi ke ?)
B : Penoh. (Pernah)
9. A : Mung tengoh wak mende lagi ? (Mu tengah buat apa lagi?)
B : Tengoh ngemas ning. (Tengah kemas ni)

Oleh itu jadual 3 telah menunjukkan kedudukan KK dengan KK untuk setiap KKB. Bagi KKB *doh* menunjukkan KKB berkenaan akan hadir selepas kata kerja. Selain itu, KKB *tengoh* dan *penoh* pula akan hadir sebelum mana-mana kata kerja dalam sesebuah ayat manakala KKB *penoh* boleh hadir bersama KKB *dok* sebelum KK. Kala yang wujud dalam KKB *doh* dan *penoh*

merupakan kala lepas di mana KKB tersebut menunjukkan sesuatu ayat itu merujuk kepada perkara yang telah berlaku manakala KKB *tengoh* dan *dok* merupakan kala kini dan membawa maksud sesuatu ayat yang mengandungi KKB berkenaan menunjukkan peristiwa yang sedang berlaku.

Jadual 3 : Kedudukan KKB dengan KK untuk setiap KKB.

Kata Kerja Bantu	Kedudukan KKB dengan KK	Jenis Kala
doh	Selepas KK	Lepas
tengoh	Sebelum KK	Kini
dok	Sebelum KK	Kini
penoh	Hadir bersama KKB <i>dok</i> sebelum KK	Lepas

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa KKB aspek dalam DMT boleh hadir dalam pelbagai posisi. Hal ini dikatakan demikian kerana, KKB aspek berkenaan ada yang boleh hadir sebelum KK, selepas KK dan hadir secara bersama.

Analisis Sintaksis

Berdasarkan tujuan kajian yang telah ditetapkan dalam objektif kajian, KKB aspek, iaitu *doh*, *dok penoh*, *dok* dan *tengoh*, KKB modal *nok* dan *kene* serta KKB gabungan *nok kene*, *dok kene*, *tengoh nok* dan *penoh nok* yang wujud dalam DMT di analisis. Analisis deskriptif terhadap ayat (1) sehingga (5), iaitu mengenai KKB aspek. Kesemua ayat berkenaan dianalisis menggunakan kerangka minimalis. Berikut merupakan ayat-ayat KKB dalam DMT yang akan dianalisis dan ditulis semula:

10. Aku sapa *doh*.
11. Aku makang *doh*.
12. Aku *dok penoh* makang kueh ning.
13. Aku *dok* makang agi.
14. Aku *tengoh* wak kije ning.

Kata Kerja Bantu Aspek dalam Dialek Melayu Terengganu

Kata Bantu Aspek sudah (*doh*)


Analisis ini akan melihat kepada kehadiran KKB yang hadir selepas kata kerja yang bertentangan dengan sifat KKB yang wujud dalam bahasa Melayu baku di mana KKB sepatutnya dirujuk sebagai kata yang hadir sebelum kata kerja. KKB ini hadir selepas kata kerja berbeza dengan KKB *sudah* dalam bahasa Melayu yang akan hadir sebelum kata kerja. KKB *doh* dalam Dialek Melayu Terengganu dirujuk sebagai *sudah* dalam bahasa Melayu.

Ayat (12) telah menunjukkan paparan data tentang KKB dalam DMT yang hadir selepas kata kerja *sapa* di mana kata kerja ini merupakan kata kerja tak ergatif. Oleh itu, kata kerja *sapa* hanya memerlukan satu argumen sahaja. Sama seperti ayat (11) yang menunjukkan kehadiran KKB selepas kata kerja *makang*. Oleh itu, analisis sintaksis bagi ayat (10) boleh dilihat pada ayat (15).

15. Aku sapa **doh**.
 Aku sampai **dah**.
 “Aku **sudah** sampai”


Ayat (15) telah terbina melalui gabungan elemen-elemen leksikal seperti *aku*, *doh* dan *sapa* di mana kata kerja *sapa* menjadi kepala frasa dan merupakan kata kerja tak transitif tak ergatif. Dengan demikian, kata kerja tak transitif ini tidak memerlukan dua argumen bagi melengkapi ayat berkenaan. Kata kerja berkenaan boleh berdiri sendiri dan argumen yang akan hadir ialah argumen luaran. Kewujudan uN pada peringkat berkenaan adalah untuk mematuhi Prinsip Projeksi Tambahan (EPP) dan bagi memastikan ayat ini mempunyai subjek.

a.




Selepas itu, KK *sapa* yang wujud di bawah posisi FK akan digerakkan kepada posisi yang baru melalui cantuman bersama dengan k kecil bagi memenuhi UTAH. K kecil diletupkan menjadi struktur cantuman yang diisi oleh KK *sapa* dan fitur tak berinterpretasi [ukala:]. KK *sapa* yang berada di posisi baru merupakan hasil gerakan KK dari posisi asal dan membentuk bekas <sapa>.

b.




KGND *aku* dalam ayat (15) pula akan dipilih untuk disambungkan dengan output (15b) dan menghasilkan Fk. Fitur pemilihan-k [uN] merujuk kepada k' di mana fitur ini boleh disemak oleh fitur pada kategori [N] yang berinterpretasi bagi KGND *aku* dan menghasilkan gabungan yang gramatis. Pada output di (12C) pula dipilih KKB aspek *doh* bagi digabungkan dengan output berkenaan. Hal ini dikatakan demikian kerana, KKB aspek *doh* mempunyai fitur berinterpretasi [aspek] dan fitur tak berinterpretasi [ukala]. Fk yang dibina masih mempunyai fitur tak berinterpretasi yang tidak disemak, iaitu [ukala]. Dengan demikian, berlaku proses semakan dengan pemberian nilai, iaitu melalui proses keserasian bagi membolehkan fitur tak berinterpretasi disemak.

c.




Selepas itu, derivasi seterusnya telah dibentuk dengan pemilihan kala bagi FAspek pada output (15e) di mana kala berkenaan mempunyai fitur berinterpretasi kala [lepas] dan fitur EPP yang tidak mempunyai interpretasi, iaitu [uN*]. Menurut Chomsky, nodus kala akan hadir bersama fitur berinterpretasi kala sama ada kala [kini], [lepas], [sedang] atau [depan] dan fitur tak berinterpretasi [uN] (Fazal Mohamed & Nur Atikah 2020). Proses keserasian akan berlaku untuk menyemak dengan memberikan nilai fitur yang tak berinterpretasi [ukala] bagi KKB *doh*. Namun begitu, fitur berinterpretasi kala lepas telah memberi nilai kepada fitur tak berinterpretasi [ukala] menjadi [ukala : lepas] kerana masih berada di bawah perintah-k. Apabila proses keserasian telah berlaku, fitur tak berinterpretasi disemak seperti (15d). Oleh itu, keseluruhan ayat akan ditandakan sebagai ayat berkala lepas.

d.



Fitur tak berinterpretasi EPP [uN*] yang wujud dalam kala telah diprojeksikan ke kala' (kala tanda). Dengan demikian, penyemakan terhadap fitur tak berinterpretasi berkenaan berlaku. Namun begitu, fitur EPP telah diberikan kekuatan kepada elemen namaan bagi bergerak untuk mengisi spek Fkala. Hal ini dikatakan demikian kerana, fitur berkenaan merupakan fitur yang kuat. Elemen namaan perlu terdiri daripada elemen yang berhampiran dan relevan untuk dilakukan sebarang pergerakan. KGND *aku* merupakan elemen namaan yang paling hampir dan sangat relevan bagi digerakkan. Pergerakan yang berlaku telah membentuk pasangan bagi kala' di samping bergabung bagi membentuk Fkala pada (15e). KGND *aku* mempunyai fitur berinterpretasi [N] telah berjaya memenuhi keperluan fitur EPP [uN*] dan telah menyemak fitur berkenaan.

e.



Rajah pohon yang telah terhasil dalam (15e) ialah rajah pohon yang gramatis. Hal ini dikatakan demikian kerana, elemen yang wujud dalam rajah pohon berkenaan telah menepati kekangan Prinsip Interpretasi Penuh sebelum cetusan. KK *sapa* yang merupakan kata kerja tak transitif dan boleh berdiri dengan sendiri dan tidak memerlukan argumen dalaman dan hanya memerlukan KGND *aku* yang mengisi posisi subjek sebagai argumen luaran. Oleh itu, struktur rajah pohon bagi ayat (15) berkenaan menjadikan Fkala sebagai kepala kerana tidak wujud lagi mana-mana fitur tak berinterpretasi yang diprojeksikan untuk disemak bagi membentuk nodus yang baru.

Kata Bantu Aspek Bersama belum pernah (*dok penoh*)


Dalam DMT, KKB aspek boleh hadir secara berturutan dalam satu ayat yang gramatis. Ayat (12) menunjukkan kehadiran KKB aspek *dok penoh* yang hadir secara bersama atau berturutan sebelum KK transitif *makang*. Dalam DMT, KK *makang* boleh menjadi KK tak transitif seperti yang berlaku pada ayat (11) dan dalam situasi tertentu KK ini juga boleh menjadi KK transitif. Namun begitu, ayat ini telah menunjukkan KK *makang* merupakan KK transitif dan peranan kata kerja *makang* sebagai kepala frasa yang perlu hadir selepas KKB *penoh dok* bagi menghasilkan ayat yang gramatis.

12. Aku **dok penoh** makang kueh ning.
 Aku **belum pernah** makan kuih ini.
 “Aku **belum pernah** makan kuih ini”

Terdapat enam elemen leksikal yang wujud, iaitu (*aku, dok, penoh, makang, kueh, ning*). KK yang muncul dalam ayat berkenaan merupakan kata kerja transitif, iaitu *makang* di mana KK berkenaan memerlukan argumen luaran dan dalaman. Oleh itu, KK *makang* telah berfungsi sebagai kepala bagi frasa berkenaan. Selain itu, KGND *aku* pula memainkan peranan sebagai argumen luaran manakala KN *kueh* memainkan peranannya sebagai argumen dalaman bagi KK *makang* tersebut.


Ayat (12) mempunyai nodus akar hasil gabungan binari antara KK *makang* dan KN *kueh*. Namun begitu, ayat ini mempunyai KDet, iaitu *ning*. KK *makang* mempunyai fitur pemilihan-k [uN] yang sesuai dengan fitur tak berinterpretasi [N], iaitu *kueh*. Dengan demikian, fitur berinterpretasi [N] telah menyemak fitur pemilihan-k dan dapat menghasilkan struktur. Namun begitu, sebelum berlakunya gabungan tersebut, elemen *kueh* dan elemen *ning* digabungkan bagi membentuk FDKN *kueh* tidak mempunyai fitur pemilihan-k yang diperlukan untuk dipenuhi oleh fitur berinterpretasi dan kemudiannya boleh dipadamkan.

a.




Oleh itu, FD telah digabungkan dengan KK *makang* bagi membentuk struktur FK. KK *makang* mempunyai fitur pemilihan-k [uD] yang membolehkan fitur berinterpretasi [D] pada elemen dipilih untuk disemak. k kecil pula dipilih untuk digabungkan dengan output KK *makang* dan FD bagi membentuk struktur k'. Sebelum itu, k telah diletupkan dalam cantuman yang telah diisi oleh KK *makang* dan fitur tak berinterpretasi [ukala:]. Dengan demikian, berlaku bekas yang ditandakan dengan <makang> pada posisi asal KK *makang* kerana KK berkenaan telah digerakkan.

b.




Bagi elemen KGND *aku* pula, elemen berkenaan telah dipilih bagi digabungkan dengan output (12b). Hal ini telah menyebabkan fitur pemilihan-k [uN] pada struktur k' dapat disemak oleh fitur kategori [N] yang berinterpretasi dalam KGND *aku*. Selepas itu, KKB aspek yang digunakan dalam ayat tersebut, iaitu *penoh* telah dipilih untuk bergabung dengan output (12b). KKB tersebut mempunyai fitur berinterpretasi kala [kini] dan fitur tak berinterpretasi [ukala:].

c.




Pada struktur Fk pula masih terdapat fitur tak berinterpretasi yang belum disemak, iaitu [ukala:]. Oleh itu, proses semakan telah berlaku melalui pemberian nilai berdasarkan proses keserasian bagi membolehkan fitur tersebut disemak. Fitur tak berinterpretasi [ukala:] untuk disemak seperti yang berlaku pada output (12c). Elemen kata nafi pula telah dipilih dan digabungkan seperti output (12d).

d.




Kala yang mempunyai fitur berinterpretasi kala lepas dan fitur EPP yang tak berinterpretasi [uN*]. Oleh itu, proses keserasian berlaku bagi menyemak dan memberi nilai kepada fitur tak

berinterpretasi [ukala:] bagi KKB *penoh*. Fitur tak berinterpretasi kala [lepas] pula telah memberi nilai fitur tak berinterpretasi [ukala:] dan menjadikannya sebagai [ukala: kini] kerana masih berada di bawah satu perintah-k. Akhirnya, fitur tak berinterpretasi telah berjaya disemak selepas melalui penilaian bagi proses keserasian.



Bagi fitur tak berinterpretasi EPP dalam kala telah diprojeksikan kepada kala'. Oleh itu, fitur berkenaan boleh disemak. Hal ini dikatakan demikian kerana, fitur EPP merupakan fitur yang kuat dan dengan demikian fitur ini boleh memberikan kekuatan kepada elemen namaan agar dapat bergerak bagi mengisi posisi spek pada Fkala. Syarat bagi elemen namaan tersebut agar boleh digerakkan mestilah merupakan elemen yang hampir dan relevan. Oleh itu, kewujudan KGND *aku* yang merupakan elemen namaan paling hampir dan relevan untuk digerakkan sebagai pasangan kala dan bergabung bagi membentuk Fkala. Fitur berinterpretasi [N] pada KGND telah memenuhi fitur EPP dan berjaya disemak.



Secara ringkasnya, rajah pohon bagi ayat yang mempunyai kehadiran dua KKB secara bersama dalam satu ayat ini merupakan rajah pohon yang gramatis. Hal ini dikatakan demikian kerana, rajah pohon ini berjaya menepati kekangan Prinsip Interpretasi Penuh sebelum cetusan. Oleh itu, Fkala merupakan kepala bagi rajah pohon ini kerana tiada lagi kewujudan fitur yang tak

berinterpretasi yang boleh diprojsikan bagi berlakunya proses menyemak seterusnya mampu membina satu nodus yang baru.

Kata Kerja Bantu Aspek sedang (*tengah*)


Ayat (14) pula menunjukkan kehadiran kata kerja transitif *wak* selepas KKB *tengah*. Kata kerja berkenaan merupakan kepala frasa bagi ayat (14) dan memerlukan dua argumen, iaitu argumen luaran dan argumen dalaman. KKB *tengah* dalam DMT perlu hadir sebelum kata kerja bagi menjadikan susunan ayat yang gramatis.

14. Aku **tengah** wak kije ning.
 Aku **tengah** buat kerja ni.
 “Aku **sedang** menyiapkan tugas ini”

Berdasarkan analisis terhadap ayat (14) tersebut telah wujud pelbagai elemen leksikal yang mempunyai peranan masing-masing, iaitu (*aku, tengah, wak, kije, ning*). Dalam ayat (14), KK *wak* merupakan KK transitif yang memerlukan argumen dalaman dan luaran bagi ditandakan peranan tetanya. KK *kije* merupakan argument dalaman bagi KK *wak* berkenaan manakala argumen luarannya merupakan KGND *aku*. Dengan demikian, wujud gabungan secara binari antara KK *wak* dan *kije*.


KK *wak* sangat sesuai untuk dipadankan dengan elemen *kije*. Hal ini dikatakan demikian kerana, KK berkenaan mempunyai fitur pemilihan-k yang mampu menyemak fitur tak berinterpretasi [N] yang terdapat pada elemen *kije*. Oleh itu, terhasil struktur yang telah digabungkan secara gramatis pada output (14a).

a.



Selepas itu, output pada (14a) telah dipilih untuk bergabung dengan k kecil lalu membentuk struktur baru, iaitu k' . k kecil telah diletupkan bagi menjadi struktur cantuman di mana struktur berkenaan diisi oleh KK *wak* dan fitur tak berinterpretasi [ukala:]. Namun begitu, KK *wak* telah meninggalkan bekas pada posisi asalnya setelah mengisi struktur baru hasil daripada pergerakan.


b.



Output (14b) yang menghasilkan struktur baru berkenaan telah digabungkan dengan elemen KGND *aku* dan menghasilkan struktur Fk seperti output (14c). Sehubungan dengan itu, fitur


pemilihan-k yang wujud pada k' telah disemak oleh fitur kategori [N] yang berinterpretasi dalam KGND *aku* dan terhasil gabungan elemen yang gramatis.

c.




Selepas itu, pemilihan terhadap KKB aspek *tengoh* berlaku untuk digabungkan dengan output (14c). KKB *tengoh* merupakan elemen yang mempunyai dua fitur, iaitu fitur berinterpretasi kala [kini] dan fitur tak berinterpretasi [ukala:]. Pada struktur Fk, struktur ini masih mempunyai fitur tak berinterpretasi yang belum disemak, iaitu [ukala:]. Kehadiran KKB dalam output (14d) telah berjaya menyemak fitur tak berinterpretasi berkenaan dengan memberi nilai melalui proses keserasian. Derivasi pada (14d) juga telah menjadi [ukala:kini] hasil daripada fitur berinterpretasi kala [kini] yang telah memerintah-k pada fitur [ukala:]. Oleh itu, pemberian nilai telah berlaku dan fitur tak berinterpretasi berkenaan telah berjaya disemak.

d.




Seterusnya, bagi menghasilkan struktur yang baru, iaitu FAspek. Kala telah dipilih untuk digabungkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kala merupakan struktur yang mempunyai fitur berinterpretasi kala [kini] dan fitur EPP yang tak berinterpretasi [uN*]. KKB *tengoh* telah disemak melalui proses keserasian dengan memberi nilai pada fitur tak berinterpretasi [ukala:]. Fitur berinterpretasi kala kini pula telah memberi nilai kepada fitur tak berinterpretasi [ukala:] kerana masih berada di bawah perintah-k dan telah dapat disemak. Di samping itu, dalam struktur kala terdapat fitur tak berinterpretasi EPP yang diprojeksikan ke kala' bagi membenarkan fitur tak berinterpretasi boleh disemak.

e.



Namun begitu, fitur EPP merupakan fitur yang kuat dan hanya memberikan kekuatan kepada elemen namaan sahaja untuk bergerak supaya dapat mengisi Fk_{ala}. Elemen namaan itu mestilah terdiri daripada elemen yang wujud berhampiran dan relevan untuk digerakkan. KGND *aku* merupakan elemen yang paling hampir dan sangat relevan bagi menjalankan proses pergerakan. Pasangan bagi kala' akan terisi daripada gerakan elemen tersebut seterusnya dapat membentuk Fk_{ala} seperti yang berlaku pada output (14f). KGND *aku* yang masih mempunyai fitur tak berinterpretasi [N] telah berjaya disemak disebabkan telah memenuhi keperluan fitur EPP.

f.



Secara ringkasnya, ayat (14) telah berjaya menghasilkan rajah pohon yang gramatis kerana telah menepati kekangan Prinsip Interpretasi Penuh sebelum cetusan. Fk_{ala} telah menjadi kepala bagi struktur rajah pohon ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, sudah tiada mana-mana fitur tak berinterpretasi boleh diprojeksikan bagi proses semakan dan membentuk nodus yang baru.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, terdapat beberapa proses yang diperlukan bagi membentuk rajah pohon antaranya ialah proses gabungan, cantuman, semakan, pemberian nilai, proses gerakan dan keserasian. Pendekatan yang dipilih, iaitu pendekatan kerangka Program Minimalis sangat sesuai dan telah dibuktikan dapat menganalisis kata kerja bantu aspek dan modal yang wujud dalam dialek Melayu Terengganu. Dalam DMT, kehadiran kala dalam rajah pohon boleh berlaku sebelum dan selepas kata kerja tidak seperti bahasa Melayu standard yang meletakkan kehadiran kala hanya sebelum kata kerja.

Di samping itu, dalam DMT ini juga boleh dilihat KKB aspek boleh hadir secara berturutan dalam satu ayat yang lengkap. Dialek ini memperlihatkan kehadiran KKB yang boleh hadir secara berturutan dalam satu ayat sama ada berturutan dari jenis yang sama dan juga jenis yang berbeza. Antaranya ialah gabungan KKB *dok* dan *nok* menjadi *dok nok*, KKB *dok* dan *kene* menjadi *dok kene*, KKB *tengoh* dan *nok* menjadi *tengoh nok* dan KKB *penoh* dan *nok* menjadi *penoh nok*. Namun begitu, tidak semua KKB boleh digabungkan dan diterima dalam dialek ini.

Kesan daripada kajian ini telah membawa kepada satu penemuan yang baru di mana KKB dalam dialek ini boleh hadir selepas kata kerja dan menjadikan sesebuah ayat itu gramatis. KKB aspek *doh* merupakan kata bantu yang boleh hadir selepas kata kerja. Selain itu, kata kerja yang hadir sebelum atau selepas kata kerja juga boleh menjadi kata kerja transitif dan untuk situasi tertentu kata kerja tersebut boleh menjadi kata kerja tak transitif. Kata kerja tersebut merupakan kata kerja *makang* di mana dalam konteks tertentu kata kerja ini boleh membawa dua peranan teta dan ada kalanya membawa satu peranan teta sahaja.

Melalui pendekatan yang digunakan, urutan atau kedudukan kata kerja bantu itu sendiri dalam rajah pohon dapat dikenal pasti dan secara tidak langsung telah menjawab objektif kajian yang dijalankan ini. Secara keseluruhannya, pendekatan ini sangat bersesuaian dan masih relevan untuk digunakan dalam menganalisis nahu bahasa.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Universiti Kebangsaan Malaysia, di bawah dana Geran Penyelidikan Khas Top Down UKM: Bahasa Melayu berkod GPK-PBM-2020-025.

Rujukan

- Abdul Razak Ismail. (2009). Perkembangan Bahasa Kanak-Kanak. Dicapai pada 15 Mei 2019, daripada, <https://bit.ly/2nliMHw>.
- Asmah Haji Omar. (1993). Nahu Melayu Mutakhir. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bhasah Hj. Abu Bakar. (2007). *Kaedah Analisis Data Penyelidikan Ilmiah*. Kuala Lumpur: Maziza Sdn. Bhd.
- Chomsky, N. (1995). *The Minimalist Program*. USA: The MIT Press.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nur Afikka Ahmad. (2020). Kata Kerja Bantu dalam Dialek Melayu Kedah: Satu Analisis Program Minimalis. *Jurnal Bahasa*. 20(1), 79 – 108.
- Halliday, M.A.K. (1975). *Learning How to Mean*, London: Edward Arnold.
- Idris Aman & Mohammed Azlan Mis (pnvt.) (2016). *Variasi Bahasa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). Dicapai pada 27 September 2019, daripada, <https://suort.com/Gkkmh>
- Maulana Al-Fin Che Man & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2020). Ayat Selapis dalam Dialek Perlis Menggunakan Kerangka Minimalis. *Jurnal Linguistik*. 24(1), 1-18.
- Mohd Ra'in Shaari (2009). *Kata Bantu Ragam Bahasa Melayu: Analisis Data Korpus Berkomputer*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Mughni Murni Bustamam & Maslida Binti Yusof. 2020. Perbandingan Kata Kerja Tak Akusatif dengan Kata Kerja Tak Ergatif Bahasa Melayu : Analisis Aktionsart. *Jurnal Linguistik*. 24(1), 19-32.
- Nik Safiah Karim Farid M. Onn, author. Hashim Musa, author. Abdul Hamid Mahmood, Muhammed Salehudin Aman. (2010). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Khairul Ashraaf Saari, Harishon Radzi, Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2020). Migrasi dan lanskap baharu dialek di Johor. *AKADEMIKA*. 90(3): 147 – 161.
- Nor Shahrina Mohd Zawawi. (2000). Penggunaan Kata Bantu Bahasa Melayu di Kalangan Kanak-kanak Melayu yang Berusia 5 dan 6 Tahun. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Syafika Atika Binti Othman, Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2019). Frasa kerja dalam dialek Negeri Sembilan: analisis kerangka minimalis. *Jurnal Wacana Sarjana*. 3(1): 1 – 14.
- Shahirah Said. (2017). *Kata Kerja Bantu dalam Dialek Melayu Utara Menggunakan Kerangka Minimalis*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Wikipedia. *Peta Negeri Terengganu*. Dicapai pada 27 September 2019, daripada, <https://ms.wikipedia.org/wiki/Terengganu>.
- Zul Hanis Yop Othman & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2020). Ketaksamaan Leksikal dalam Perbualan Masyarakat Peniaga Terengganu. *Jurnal Linguistik*. 24(1), 33-50.

Biodata Penulis

Nurul Afiqah Mohamed adalah pelajar Sarjana Muda di UKM. Beliau cenderung mengkaji dialek Melayu terutama dialek Terengganu.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan adalah Profesor Madya di Program Linguistik UKM. Beliau mengkhusus dalam bidang sintaksis. Beliau juga banyak mengkaji dialek Melayu dan masyarakat orang asli seperti Negrito, Kensiu dan Bateq.